

Media Title	: Harian Metro
Headline	: Rugi RM300k diperdaya 'Datuk dari Bukit Aman'
Date	: 11 December 2024
Section	: Lokal
Page	: 11



# Rugi RM300k diperdaya 'Datuk dari Bukit Aman'

**Johor Bahru:** Jika mahu bersihkan nama daripada kes jenayah, bayar sejumlah wang.

Akhirnya, kerana percaya dengan kata-kata pegawai kanan polis bergelar 'Datuk dari Bukit Aman', seorang suri rumah berusia 49 tahun rugi RM300,000 yang juga wang pencen arwah suaminya.

Ketika mendedahkan perkara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendant Mohd Sohaimi Ishak berkata, mangsa melakukan enam transaksi ke akaun bank diberikan sebelum menyedari diperdaya sindiket 'phone scam' selepas menonton video sindiket penipuan dikongsikan anaknya.

"Mangsa melaporkan kejadian itu semalam (kelmarin) di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam.

"Mangsa mendakwa, kejadian bermula pada 15

November lalu apabila dihubungi lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis berpangkat Datuk daripada cawangan risikan Bukit Aman," katanya pada kenyataan, semalam.

Kata beliau, suspek menuduh mangsa terbabit kes penggubahan wang haram dan penyeludupan dadah selain mendakwa kad pengenalan mangsa berada dalam simpanan seorang daripada penjenayah yang ditahan polis.

Menurut Mohd Sohaimi, suspek kemudiannya diberi pilihan untuk membuat sejumlah bayaran jika mahu membersihkan nama daripada sebarang kes jenayah.

"Percaya dengan kata-kata suspek, pada 21 November hingga 26 November lalu, mangsa melakukan enam transaksi ke akaun bank diberikan," katanya.